

Mahathir: Lapisan ke-2 perlu, Umno tak boleh digugat....

ALOR SETAR, Jumaat — Kerajaan campuran Barisan Nasional tidak akan kekal memerintah negara ini jika UMNO yang menjadi teras dan tulang belakangnya tidak kukuh dan kuat demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

"Kerajaan akan hancur sekiranya semua parti yang bergabung dalam kerajaan campuran itu sama-sama kuat kerana sudah pasti perebutan kuasa tidak dapat dielakkan," katanya ketika merasmikan kursus politik Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Stadium Datuk Syed Omar di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr.

Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO menegaskan, UMNO mestilah kukuh dan kuat kerana ia adalah satu-satunya parti yang boleh membawa kepada kestabilan dan ketenteraman negara.

Beliau berkata, setiap rakyat mestilah faham bahawa kekuatan kuasa politik orang Melayu bukan bertujuan menjadikan mereka satu golongan untuk menekan kaum-kaum lain, tetapi semata-mata untuk mengelakkan negara dan kerajaan dari menemui kehancuran.

Katanya, untuk mengekalkan kuasa UMNO itu setiap ahli, mestilah menyedari hakikat bahawa UMNO berjuang untuk kepentingan masyarakat Bumiputera khususnya orang-orang Melayu.

Untuk mengekalkan keadaan ini, kita haruslah mengatur pemimpin-pemimpin lapisan kedua ia itu Pergerakan Pemuda bagi menen-

tukan mereka mengambil alih pucuk pimpinan parti bila sampai masanya pemimpin-pemimpin lapisan pertama mengundurkan diri ataupun dimusnahkan dengan apa cara pun," tegasnya.

"Tetapi perubahan pimpinan itu mestilah berjalan dengan teratur mengikut saluran-saluran tertentu selaras dengan sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan oleh UMNO dan negara ini," tambah beliau.

Lapisan

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, UMNO s e m e a n g n y a menyediakan pemimpin lapisan keduanya ketika mula ditubuhkan dahulu kerana pada masa itu yang ada cuma pemimpin-pemimpin lapisan pertama untuk memulakan perjuangan.

Tetapi, katanya, setelah wujud selama 36 tahun UMNO perlu

menyusun lapisan-lapisan pemimpin-pemimpinnya bagi memastikan pertubuhan yang diwujudkan itu akan terus berkekalan dan berkuasa bila sampai masanya pemimpin-pemimpin lama mengundurkan diri.

Katanya, Pergerakan Pemuda merupakan satu bahagian UMNO yang amat penting kerana ahli-ahlinya merupakan orang-orang yang menjadi bakal pengganti meneruskan perjuangan pemimpin-pemimpin lapisan pertama yang terpaksa pergi kerana mereka tidak boleh hidup selama-lamanya.

"Bagaimanapun pemimpin-pemimpin lapisan kedua mestilah pandal menunggu masa mengambilalih dan jangan bersikap tidak sabar untuk menduduki tempat di atas," ujarnya.

Beliau berkata, meskipun seseorang itu berkecuali bila sampai ketikanya ia menduduki tempat yang diidam-idamkannya tetapi masyarakat dan negara mungkin tidak dapat menerimanya lagi disebabkan pengalaman yang diprolehinya belum mencukupi.

Katanya, setiap pemindahan pucuk pimpinan itu mestilah berjalan secara tertib kerana ketertipan yang mencerminkan prinsip dan falsafah UMNO itu mendatangkan banyak faedah.

Mustahil

Timbalan Perdana Menteri berkata, adalah mustahil UMNO wujud hingga sekarang dan kekal membentuk kerajaan yang UMNO menjadi tulang belakangnya sejak merdeka jika UMNO bergerak secara huru-hara dan tidak mempunyai peraturan-peraturan sama sekali.

Beliau berkata, selama 24 tahun UMNO masih dapat menarik minat kebanyakan rakyat dan mengekalkan kuasanya kerana UMNO memberikan harapan kepada negara, bangsa dan tanahair.

"Tetapi kita tidak boleh mendabik dada, bahawa kuasa yang ada kepada kita ini akan kekal selama-lama hingga kiamat jika kita tidak sedar sebab-sebab yang mengekalkan kedudukan kita itu," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya mengingatkan ahli-ahli UMNO khususnya Pergerakan Pemuda tentang adanya golongan-golongan di luar UMNO yang sering bercakap mengenai revolusi walaupun mereka sedar pertumpahan darah akan berlaku.

Beliau menegaskan, sesiapa yang menjatuhkan kerajaan secara kekerasan, ianya tidak akan berkekalan kerana negara akan tidak sepi dari beberapa lagi siri revolusi yang sudah pasti akan berlaku.

"Kita dapat melihat di mana jua tercetus revolusi, keadaan negara itu tidak stabil dan sepanjang masa rakyat akan hidup menderita," tambah beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia